



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor Penyiap** (mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya) yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
<p>MBMB/T/2024/11</p> <p>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH GELANGGANG SERBAGUNA BERBUMBUNG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN BANDARAYA BUKIT SERINDIT, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH (KONTRAKTOR PENYIAP)</p> <p>Tarikh Kelulusan : 8/4/2024</p> <p>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00473(P)</p>	<p><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></p> <p>Gred G4 ; atau Gred G5 ; atau Gred G6 ; atau Gred G7 Kategori B Pengkhususan B04</p> <p>DAN</p> <p>Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap KKR yang masih sah</p>	<p><u>HARGA</u></p> <p>RM50.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p><u>TARIKH</u></p> <p>17 April 2024 (Rabu) sehingga 8 Mei 2024 (Rabu)</p>	<p>17 April 2024 (Rabu) Jam 10.00 pagi Berkumpul di hadapan Surau Taman Seri Serindit, Jalan Seri Serindit 5</p> <p>Lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN</p> <p>Koordinat Lokasi : 2.203055, 102.266852</p>	<p><u>TARIKH</u></p> <p>8 Mei 2024 (Rabu) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah tender serta keterangan lanjut HANYA boleh dimuat turun dari Sistem Tender Online Melaka (STOM) yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my> Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **17 April 2024 (Rabu) sehingga 8 Mei 2024 (Rabu)**.

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam